



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

RM130 JUTA BAGI KERJA-KERJA PENYENGGARAAN BERKALA PAVEMEN DAN BUKAN PAVEMEN JALAN PERSEKUTUAN TELAH DIPERUNTUKKAN UNTUK NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2024

TAWAU, SABAH - YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya Malaysia telah turun padang memantau kerja-kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan di Daerah Tawau, Sabah bagi meneliti prestasi pelaksanaan dan keberkesanan pelan mitigasi yang telah diambil dalam melaksanakan kerja pembaikan jalan tersebut.

2. YB Menteri Kerja Raya Malaysia telah meninjau dua lokasi di Jalan Persekutuan R13 Jalan Sandakan - Tawau iaitu laluan ke Lapangan Terbang Tawau yang mengalami kerosakan struktur jalan dan pementung.

3. Lokasi pertama ialah Seksyen 249.77 sepanjang 0.55 km melibatkan kerosakan struktur jalan. Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) akan mempertimbang untuk memberi kelulusan peruntukan di lokasi berkenaan memandangkan keadaan di lokasi tersebut boleh mendedahkan pengguna jalan raya kepada risiko.

4. Lokasi kedua pula melibatkan kegagalan pementung yang menyebabkan satu laluan terpaksa ditutup kepada pengguna jalan raya iaitu di Seksyen 256.295 laluan yang sama. Untuk lokasi ini, peruntukan sebanyak RM1.506 juta telah diluluskan bagi kerja pembaikan di lokasi berkenaan.

5. Secara keseluruhannya, **KKR telah meluluskan peruntukan sebanyak RM130 juta bagi kerja-kerja penyenggaraan Berkala Pavemen dan Bukan Pavemen Jalan Persekutuan di Negeri Sabah bagi tahun 2024 dan sejumlah RM9.979 juta telah diperuntukkan kepada Daerah Tawau.** Pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan ini adalah di bawah pengawasan sepenuhnya oleh pihak JKR Sabah iaitu pihak yang telah dilantik sebagai wakil Kerajaan Persekutuan.

6. KKR berharap pasukan Projek LPB Sabah dan konsesi penyenggaraan yang dilantik dapat mengekalkan momentum kerja pembinaan dan penyenggaraan dengan menepati mutu yang ditetapkan dari segi kualiti, kos dan masa. Fokus berterusan terhadap jalan raya ini merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan Malaysia Madani dalam membina rangkaian jalan raya selaras dengan hasrat Program MYJalan KKR yang ingin menyediakan infrastruktur yang selesa dan selamat kepada semua rakyat Malaysia Madani secara konsisten.

#TAMAT#

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
28 JULAI 2024**